

**Article Info:**

Published Date: 01 April 2024

\*Corresponding Author: nuhamusanif@gmail.com

## **Kesedaran Kesehatan Mental Kemurungan dalam Seni Reka Poster Infografik di Media Sosial**

*Depression Mental Health Awareness in Infographic Poster Design Art on Social Media*

Fathatunnuha Musanif

Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki,  
31200 Chemor, Perak, Malaysia

**To cite this article (APA):** Musanif, F. (2024). Depression Mental Health Awareness in Infographic Poster Design Art on Social Media. *KUPAS SENI*, 12(1), 18–25. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.1.3.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.1.3.2024>

### **ABSTRAK**

Stigma negatif dalam kesedaran kesihatan mental masih wujud di dalam kalangan masyarakat. Stigma tersebut menyebabkan individu yang mempunyai isu kesihatan mental ini membuatkan mereka tidak mendapat bantuan yang sewajarnya. Kajian ini memfokuskan perihal kesedaran kesihatan mental kemurungan dalam seni reka poster infografik di media sosial. Kesihatan mental merupakan salah satu aspek yang sering dipandang rendah dan sinis oleh masyarakat kita kerana menganggap kesihatan mental merupakan salah satu penyakit tidak siuman. Kemurungan adalah gangguan yang melibatkan perubahan pemikiran, emosi, perasaan dan tingkah laku yang menyebabkan kehidupan seharian seseorang menjadi sukar. Di media sosial, sesuatu maklumat akan tampil lebih mudah dibaca sekiranya ianya diberikan gambaran visual dan juga maklumat yang ditulis secara ringkas seperti di dalam sesebuah infografik. Penulisan ini dapat memberikan pendedahan khususnya terhadap kesihatan mental dalam konteks kemurungan dalam poster infografik di media sosial. Medium komunikasi berbentuk infografik merupakan alternatif yang boleh digunakan bagi memberikan kesedaran berkaitan kesihatan mental.

**Kata Kunci:** kesihatan, kemurungan, infografik, komunikasi, pendedahan

### **ABSTRACT**

*Negative stigma in mental health awareness still exists in society. The stigma caused individuals with mental health issues makes them not get proper help. This study focuses on mental health awareness of depression in the art of infographic poster design on social media. Mental health is one of the aspects that is often looked down upon and cynical by our society because it considers mental health to be one of the insane diseases. Depression is a disorder that involves changes in thoughts, emotions, feelings and behavior that make a person's daily life difficult. On social media, a piece of information will appear easier to read if it is given a visual representation and also the information written in a simple way like in an infographic. This writing can provide exposure specifically to mental health in the context of depression in an infographic poster on social media. Communication medium in the form of infographics is an alternative that can be used to provide awareness related to mental health.*

**Keyword:** health, depression, infographic, communication, exposure

## PENGENALAN

Pada masa kini, stigma negatif dalam kesedaran kesihatan mental masih wujud di dalam kalangan masyarakat. Stigma negatif terhadap individu yang mempunyai isu kesihatan mental ini membuatkan mereka tidak mendapat bantuan yang sewajarnya. Ramin Hajianfard dan Muhamad Firdaus Ramli (2023) menyatakan bentuk dan konsep yang digunakan untuk menciptakan karya diteliti untuk menunjukkan pendekatan dan kecenderungan formal dan konseptual. Stigma kesihatan mental ini merujuk kepada stereotaip atau pemikiran seorang individu itu berkaitan dengan kesihatan mental. Perkara ini menyebabkan mereka bertingkah-laku untuk meminggirkan atau mengelak daripada membantu dan bersama-sama dengan individu yang mengalami masalah mental. Musa, Ramli, Mohd Khairuddin dan Abindinhazir (2019) menyatakan ruang persekitaran pembelajaran dan tempat tinggal juga merupakan aspek penting berkaitan emosi yang perlu dititik beratkan. Pengetahuan mengenai kesihatan mental adalah penting kerana ianya berkaitan dengan kesejahteraan emosi dan fizikal serta mempengaruhi tindak tanduk individu dalam satu-satu masa dan keadaan (Kamal Azmi Abd Rahman, Sakinah Salleh, Rosni Wazir, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang, Auf Iqbal Kamarulzaman, 2021). Kesedaran kesihatan mental kini telah disebar di media sosial dalam bentuk poster infografik. Ianya dipilih sebagai salah satu medium untuk menyampaikan maklumat kerana infografik dapat menarik minat pembaca dalam format yang mudah dihadap. Ramli, Rambeli, Rahmatulah, Mustafa dan Yassin (2021) teknik dalam pendekatan pendidikan seni dapat meningkatkan kefahaman artistik kepada faktor penerimaan yang lebih intelek. Ini kerana format yang digunakan mempunyai gabungan imej ilustrasi, ikon, foto dan teks untuk menghasilkan visualisasi data yang menarik. Ianya juga membuatkan maklumat dapat disampaikan dengan lebih jelas di media sosial.




Rajah 1: Karya *Starry Night* oleh Vincent Van Gogh, 1889 Cat minyak atas kanvas 73.7 cm × 92.1 cm.  
Sumber: <https://owlcation.com>

Rajah 1 menunjukkan karya *Starry Night* oleh Vincent Van Gogh ianya dilukis oleh Vincent Van Gogh dalam sebuah hospital sakit jiwa di Saint-Rémy. Lukisan ini merupakan salah satu lukisan paling terkenal dalam sejarah manusia. Van Gogh biasanya digelar sebagai ‘artis yang terseksa’. Beliau telah memotong telinganya sendiri kerana keadaan mental yang merosot. Bagi seseorang yang mempunyai pengetahuan berkenaan lukisan tersebut, mereka berkata bahawa Van Gogh mungkin mempunyai masalah dengan penglihatannya, oleh itu terdapat lingkaran besar kabur mengelilingi bintang dalam lukisannya. Walaupun kebanyakan lukisannya dilukis oleh ingatan dan pemerhatian; ia terbentuk terutamanya oleh perasaan yang dirasainya pada masa penciptaan. Disebabkan beliau diganggu dengan kesihatan mental sepanjang hidupnya, Van Gogh telah membunuh diri pada tahun 1890. Bukti menunjukkan bahawa dia mengalami kemurungan manik, iaitu sejenis penyakit mental kronik yang mempengaruhi ramai orang kreatif (Wolf, 2001).



Rajah 2: Karya *The Scream* oleh Edvard Munch, 1893 Minyak, tempera, pastel dan krayon atas kadbod 91 cm × 73.5 cm (36 in × 28.9 in). Sumber: <https://www.edvardmunch.org>

Rajah 2 menunjukkan mengenai sebuah karya oleh Edvard Munch bertajuk *The Scream*. Edvard Munch ialah seorang pelukis dan artis grafik dari negara Norway yang tersohor. Beliau telah membangunkan banyak karya seni yang membangkitkan respons dari segi pelbagai emosi daripada penonton. Namun begitu, kehidupan artis tersebut penuh dengan kerugian, ketakutan dan kerisauan. Dia bergelut dengan dirinya sendiri dengan gangguan mental sepanjang hayatnya. Karya *The Scream* ini terdapat pelbagai interpretasi. Seseorang pengkritik berpendapat bahawa ia seolah-olah mewakili kehilangan diri (lakaran gambaran orang), kehilangan hari (matahari terbenam) dan kehilangan orang terdekat lakaran gambaran dua orang). Melalui gambaran tersebut, ianya boleh dibandingkan dengan apa yang dialami oleh individu yang mengalami gangguan depersonalisasi. Ianya adalah perasaan terasing dari persekitaran dan diri sendiri (Skryabin, Skryabina, Torrado & Gritchina, 2020).



Rajah 3: Karya *At Eternity's Gate* oleh Vincent Van Gogh, 1890. Cat minyak atas kanvas 80 cm × 64 cm. Sumber: [www.vincentvangogh.org](http://www.vincentvangogh.org)

Rajah 3 menunjukkan sebuah karya lain yang berkaitan dengan kemurungan. Menurut Rokhim, Hadiprawiro dan Dawami (2022), *At Eternity's Gate* ialah lukisan minyak oleh Vincent Van Gogh yang dihasilkan pada tahun 1890 di Hospital Saint-Rémy. Lukisan itu disiapkan pada awal bulan Mei ketika kesihatannya semakin pulih dan kira-kira dua bulan sebelum beliau membunuh diri. Antara penyebab utama seseorang itu membunuh diri adalah disebabkan oleh gangguan mental (Abd Malek, Raop & Hassan, 2020). Daripada lukisan ini, dapat dikenalpasti bahawa Van Gogh tetap melukis walaupun semasa tempoh paling sukar dalam hidupnya (Rokhim et al., 2022). Namun begitu, dapat dibuktikan bahawa kesihatan mental tidak dapat dijangka apabila beliau nekad untuk membunuh diri.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian ini memfokuskan perihal kesedaran kesihatan mental kemurungan dalam seni reka poster infografik di media sosial. Kesihatan mental adalah salah satu kajian dalam bidang psikologi. Kesihatan mental juga adalah salah satu komponen yang paling penting dalam pembentukan modal insan yang hebat (Siti Nazurulaina Haji Aripin, Siti Aishah Yahya, Suhaya Deraman & Noraini Abdol Raop, 2021). Walaupun kajian berkenaan kesihatan mental telah lama dijalankan, pendedahan terhadap kesihatan mental ini masih kurang terutamanya dalam aspek pengetahuan mengenai penyakit mental. Kemurungan adalah gangguan dari segi perasaan individu yang boleh menyebabkan suatu perasaan sedih yang berpanjangan, keletihan mental, mudah berang serta hilang minat dalam aktiviti harian. Ramli (2023) melihat pembangunan diserlahkan, menekankan kesederhanaan, interaktiviti dan kebolehsesuaian mengikut keperluan individu. Sekiranya kemurungan ini gagal dikenalpasti dan dirawat, ianya boleh mengakibatkan kesan yang sangat serius dan boleh meningkatkan risiko tingkah laku bunuh diri (Syarul Heiry Yahaya & Norazah Umar, 2022). Kemurungan juga merupakan satu keadaan perubatan yang serius sehingga memberi kesan kepada badan, pemikiran dan tingkah laku individu (World Federation for Mental Health, 2010). Penggunaan media sosial secara meluas dilihat sebagai satu medium komunikasi yang baik dalam menyampaikan maklumat terutamanya kesedaran tentang kesihatan mental. Di media sosial, kesedaran mengenai kesihatan mental telah dibuat dalam pelbagai cara, salah satunya adalah dalam bentuk infografik. Ramli (2021) perubahan terhadap kurikulum dalam penilaian yang menekankan profil, pencapaian, perkembangan dan penglibatan murid. Infografik yang dipaparkan di dalam media sosial perlulah menggunakan maklumat yang tepat agar maklumat yang benar disampaikan kepada pembaca. Ini kerana media adalah salah satu faktor wujudnya stigma tentang isu kesihatan mental dan mengaitkan pesakit mental sebagai seorang yang boleh mendatangkan bahaya kepada orang sekeliling (Raja Nurul Hafizah Raja Ismail & Wan Hashridz Rizal Wan Abu Bakar, 2020).

## **DEFINISI**

Kesihatan mental merupakan salah satu aspek yang sering dipandang rendah dan sinis oleh masyarakat kita kerana menganggap kesihatan mental merupakan salah satu penyakit tidak siaman. Dalam erti kata lain, kesihatan mental adalah asas kepada kesejahteraan individu dan kemampuan masyarakat berfungsi secara efektif. Menganalisis ciri-ciri keperluan pembelajaran golongan umum dengan mencadangkan strategi penawaran pembangunan dan penambahbaikan sistem pendidikan oleh Zhang dan Ramli (2023). Kesihatan mental adalah ekspresi emosi dan melambangkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai tekanan dan tuntutan hidup seharian. Kemurungan merupakan satu penyakit mental yang tergolong di dalam salah satu gangguan mental menurut perubatan moden (Wan Abdullah & Zaki, 2021). Punca berlakunya kemurungan ialah disebabkan oleh kebimbangan yang berterusan dan sekiranya berterusan tanpa sebarang rawatan akan menyebabkan individu mengalami kemurungan yang lebih teruk (Syarul Heiry Yahaya & Norazah Umar, 2022). Gejala ini mempunyai pelbagai faktor sama ada genetik, fizikal mahupun emosi oleh Wan Abdullah dan Zaki (2021). Seni reka merupakan pengetahuan tentang unsur seni dan prinsip rekaan. Unsur seni merujuk kepada garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang dan warna. Rekaan juga terdapat prinsip yang tersendiri, iaitu harmoni, kontra, penegasan, imbangan, irama dan pergerakan, kepelbagaian dan kesatuan. Ramli, Musa, Mohd Khairuddin dan Basiron (2020) untuk sebahagian besar menghasilkan gaya tersendiri melalui corak karya seni yang dimanipulasi sebaik mungkin. Di dalam rekaan seni, unsur seni dan prinsip rekaan yang bersesuaian perlu digunakan agar kita dapat memberikan pandangan atau huraian terhadap sesebuah

karya seni. Poster infografik merupakan salah satu medium komunikasi visual dalam seni grafik (Haslan Tamjehi & Maziah Salleh, 2016). Seni grafik pula berkait dengan komunikasi dan proses penciptaan bentuk visual, proses komunikasi visual yang menggabungkan teks dan ilustrasi yang membentuk logo, grafik, risalah poster, kulit album, kulit buku dan buletin (Ibrahim & Halid, 2020). Ianya merupakan kaedah baru bagi menggambarkan sesuatu data informasi. Tujuan utama infografik adalah untuk menyampaikan maklumat dengan jelas dan berkesan dengan menggunakan campuran dan gabungan elemen visual. Ramli (2020a) menyatakan objektif pembelajaran adalah untuk menunjukkan konsep identiti budaya tempatan untuk disesuaikan dengan ruang landskap sekolah. Ianya juga ialah satu bentuk komunikasi visual yang menggunakan imej untuk menyampaikan maklumat atau mesej dengan seefektif mungkin.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kemurungan adalah gangguan yang melibatkan perubahan pemikiran, emosi, perasaan dan tingkah laku yang menyebabkan kehidupan seharian seseorang menjadi sukar dan jika tidak dirawat ia akan memberi kesan yang buruk kepada individu dan masyarakat. Masyarakat kebiasaannya keliru antara kemurungan dengan kesedihan biasa. Ramli (2022a) menyatakan hala tuju pengajaran guru mempunyai kesan langsung terhadap cara murid terkesan terhadap kesejahteraan. Ini yang dilihat mempunyai pengaruh yang paling besar terhadap pembangunan dasar pendidikan. Kemurungan yang dialami oleh seseorang selalunya dianggap lemah dan kurang bersemangat. Permasalahan yang pertama ialah masyarakat menyangka bahawa mereka yang mengalami kemurungan boleh mengatasi sendiri situasi tersebut tanpa memerlukan rawatan pakar dan bimbingan intervensi psikososial (Mohd Afiffuddin Mohamad & Mohammad Farris Iman Leong Abdullah, 2020). Namun begitu, mereka yang menghidapi kemurungan seharusnya diberikan bantuan yang sewajarnya. Yang kedua, permasalahan berkaitan kesedaran berkenaan kesihatan mental ini kurang didedahkan di media. Ramli (2020b) menjana pengetahuan yang berguna dengan imej visual yang bermotivasi untuk paparan. Kesihatan mental adalah satu keadaan yang sejahtera di mana seseorang individu menyedari tentang keupayaan diri, dapat mengendalikan tekanan dengan baik, dapat bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat (Nor Azah Abdul Aziz, Fadhlina Mohd Razali & Che Zarrina Saari, 2022). Permasalahan berkaitan kajian berkaitan pengaruh media terhadap kesedaran kesihatan mental di Malaysia ini masih kurang didedahkan. Hal ini mengakibatkan orang ramai kurang ilmu pengetahuan berkaitan dengan kesihatan mental dalam konteks kemurungan. Ramli dan Musa (2020b) pendefinisian makna animasi yang pelbagai berlaku dengan melibatkan parameter dalam psikologi, kehidupan sosial dan budaya seni visual. Kesedaran mengenai kesihatan mental perlu didedahkan kepada masyarakat agar mereka dapat mengambil tindakan yang sewajarnya apabila mereka berhadapan dengan isu ini.

## **HUBUNGAN KESIHATAN MENTAL DAN INFOGRAFIK**

Tahap kesihatan mental boleh mempengaruhi cara berfikir, tingkahlaku dan perasaan seseorang. Ia juga mempengaruhi cara seseorang itu membuat keputusan dan pilihan dalam hidup, menyelesaikan masalah serta berinteraksi dengan orang lain. Muhamad Firdaus Ramli, Noor Alhusna Madzlan, Abdul Aziz Zalay Zali dan Ridzuan Hussin (2020) aspek imej seni visual ditentukan oleh beberapa perkara yang terlibat dengan parameter seperti psikologi, latar belakang peribadi, aspek sosial dan emosi murid. Apabila seseorang mempunyai tahap kesihatan mental yang memuaskan, tekanan hidup seharian yang dilalui akan ditangani dengan berfikir secara positif, tenang dan tidak membahayakan diri (Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd Sukor & Nor Hamizah Ab Razak, 2020). Kesihatan mental memerlukan pendedahan terhadap penjagaannya kepada masyarakat umum. Maka, infografik adalah salah satu cara untuk mendedahkan berkenaan kesihatan mental terutama dalam konteks kemurungan. Muhamad Firdaus, Abdul Aziz dan Nurazry (2019) menyatakan gejala dimanipulasikan dengan sebaik positif mampu mewujudkan penerimaan umum yang berbeza. Visual adalah medium komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada khalayak. Pemilihan jenis visual yang hendak digunakan dalam penyampaian sesuatu mesej perlu dilakukan dengan teliti supaya mesej dapat disampaikan secara berkesan (Sharul Azim Sharudin, Normah Mustaffa & Shahrul Nazmi Sannusi,

2020). Salah satu medium visual adalah berbentuk infografik yang menggabungkan antara info (maklumat) dan grafik (visual) dan ianya menggambarkan sesebuah maklumat dengan lebih ringkas dan jelas. Maklumat berkaitan kesihatan mental dalam konteks kemurungan dapat diletakkan dalam bentuk infografik agar ianya lebih mudah dibaca oleh pembaca terutamanya apabila diletakkan di dalam media sosial. Ramli dan Musa (2020a) melihat secebis pengetahuan artistik adalah kedudukan untuk menunjukkan bagaimana perkembangan berharga berlaku melalui amalan metafora visual. Di media sosial, sesuatu maklumat akan tampil lebih mudah dibaca sekiranya ianya diberikan gambaran visual dan juga maklumat yang ditulis secara ringkas seperti di dalam sesebuah infografik. Hal yang demikian, pendedahan tentang maklumat berkaitan kesihatan mental dalam bentuk infografik dengan lebih ringkas dan padat.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Penulisan ini mendedahkan bahawa kesedaran kesihatan mental adalah satu isu yang masyarakat tidak benar-benar cakna dalam kehidupan seharian. Penulisan ini juga dapat memberikan pendedahan khususnya terhadap kesihatan mental dalam konteks kemurungan dalam poster infografik di media sosial. Ramli (2022b) melihat kepada keadaan generasi muda masa kini yang lebih cenderung kepada aktiviti yang tidak menentu. Dari konteks hubungan kesihatan mental dan infografik, ini berkait rapat dengan penggunaan teknologi semasa. Teknologi semakin canggih dek peredaran semasa. Penggunaan internet juga tiada batasan dan ini merangkumi akses ke dalam media sosial. Melalui rekaan, persepsi dan kognisi penghayat dapat digabungkan untuk memahami tindakan luaran fizikal aspek sesuatu imej yang disampaikan (Ramli, 2019). Pendedahan menggunakan teknologi pada masa kini untuk sebarang maklumat, khususnya berkenaan kesihatan mental, medium yang sesuai perlu digunakan untuk sebarang maklumat berkenaanya lebih mudah dibaca oleh masyarakat. Isu kesihatan mental terhadap masyarakat di media sosial dapat didedahkan dalam bentuk infografik kerana ianya lebih ringkas dan mudah untuk dibaca.

## **KESIMPULAN**

Masalah kesihatan mental dalam konteks kemurungan merupakan isu yang kurang diberi perhatian oleh masyarakat, justeru pendedahan berkenaan hal ini perlu diberikan dalam medium komunikasi yang bersesuaian. Medium komunikasi berbentuk infografik merupakan alternatif yang boleh digunakan bagi memberikan kesedaran berkaitan kesihatan mental terutama sekali di media sosial. Jika dikenalpasti, hal kesihatan mental ini kurang didedahkan dalam sosial media. Sekiranya ingin diberikan pendedahan di sosial media, maka penggunaan infografik dapat digunakan kerana ianya lebih ringkas dan berkesan untuk pembaca. Oleh itu, kajian ini penting untuk memberi kesedaran kesihatan mental dalam bentuk seni reka poster infografik di media sosial.

## **PENGHARGAAN**

Penulis memberikan penghargaan setinggi-tingginya kepada pensyarah MSP3092 Seni dan Pendidikan, keluarga dan pihak yang terlibat dalam penulisan ini. Semoga penulisan artikel ini dapat dimanfaatkan bagi tujuan pendidikan.

## RUJUKAN

- Abd Malek, N. S. A., Raop, N. A., & Hassan, M. S. (2020). Peranan kesihatan mental sebagai moderator terhadap kecenderungan bunuh diri. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(1), 87-99.
- Abdul Rashid Abdul Aziz., Nurhafizah Mohd Sukor., & Nor Hamizah Ab Razak. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156-174.
- Haslan Tamjehi., & Maziah Salleh. (2016). Seni reka grafik sebagai komunikasi visual di perpustakaan akademik. 34. 15-18. Diperoleh daripada [https://www.researchgate.net/publication/338951004\\_Seni\\_reka\\_grafik\\_sebagai\\_komunikasi\\_visual\\_di\\_perpustakaan\\_akademik](https://www.researchgate.net/publication/338951004_Seni_reka_grafik_sebagai_komunikasi_visual_di_perpustakaan_akademik)
- Ibrahim, S., & Halid, R. I. R. (2020). Grafik dan muzik: Analisis reka bentuk kulit album. *Jurnal Komunikasi*, 36(4), 369-394. Diperoleh daripada <https://journalarticle.ukm.my/16125/1/44848-144350-1-PB.pdf>
- Kamal Azmi Abd. Rahman., Sakinah Salleh., Rosni Wazir., Suriani Sudi., Abdul Hadi Awang., Auf Iqbal Kamarulzaman. (2021). Kajian Systematic Literature Review (SLR) Tentang Kesihatan Mental Di Malaysia Semasa Pandemik Covid-19: Systematic Literature Review (SLR) On Mental Health in Malaysia During the Covid-19 Pandemic. *Sains Insani*, 6(3). Diperoleh daripada <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/344>
- Mohd Afiffuddin Mohamad., & Mohammad Farris Iman Leong Abdullah. (2020). Kemurungan: Terapi dari Sudut Psikiatri dan Spiritual (Penerbit USM). Penerbit USM.
- Muhamad Firdaus Ramli., Noor Alhusna Madzlan., Abdul Aziz Zalay Zali., & Ridzuan Hussin. (2020). COGNITIVE THERAPY TECHNIQUE OF PEOPLE WITH DISABILITIES THROUGH VISUAL ARTS EDUCATION APPROACH. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(2), 3952-3966.
- Musa, R., Ramli, M., Mohd Khairuddin, N., & Abindinhazir, Z. (2019). Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 7, 72-80. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2708>
- Nor Azah Abdul Aziz, Fadhlina Mohd Razali & Che Zarrina Saari. (2022). Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Psiko Spiritual Islam. *Firdaus Journal*, 2(1), 65-75. Diperoleh dari <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/firdaus/article/view/7496>
- Raja Nurul Hafizah Raja Ismail., & Wan Hashridz Rizal Wan Abu Bakar. (2020). Pengaruh media terhadap kesihatan mental dalam kalangan Masyarakat. *Jurnal Al-Sirat*, 19(1), 12-19. Diperoleh dari <https://ejournal.unipas.edu.my/index.php/alsirat/article/view/24>
- Ramin Hajianfard., & Muhamad Firdaus Ramli. (2023). The Reflection of Peace and Violence in Visual Art Works of Malaysian Artists, *Peace Review*, DOI: 10.1080/10402659.2023.2188115
- Ramli, M, F.; Rambeli, N.; Rahmatulah, B, Mustafa, M, and Yassin, S. (2021). Development of Teachers in Visual Art Sketching Skills Approach in the Early Childhood Education Professionalism. *Review of International Geographical Education (RIGEO)*, 11 (5), 469-475. doi:10.48047/rigeo.11.05.48
- Ramli, M. F. (2019). Argumentasi Terhadap Pergerakan Fesyen Jalanan Tempatan. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 6. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2278>
- Ramli, M. F. (2020a). Assigning Features and Experiences During the Physical Movement Control Conditions Throughout Pandemic COVID-19. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), i-iv. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.editorial.2020>
- Ramli, M. F. (2020b). Addressing Experiencing Prior To Pre-Control of Physical Movement Affected by COVID-19 Pandemic Issue. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(1), i-iv. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/5497>
- Ramli, M. F. (2021). Debating Sensation of Studies During Restriction of Physical Progress Influenced by Coronavirus Disease (COVID-19). *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), i-v. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.editorial.2021>
- Ramli, M. F. (2022a). Signifying The Continuity of Experience in Confronting the Realm of Visual Art. *KUPAS SENI*, 10, i-xi. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.editorial.2022>
- Ramli, M. F. (2022b). Exploration of Unity in Dignifying Reviews of Visual Art. *KUPAS SENI*, 10, i-ix. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.editorial.2022>
- Ramli, M. F. (2023). Defining an Understanding of Art Issues from A Cross-Cultural Teaching Perspective. *KUPAS SENI*, 11(1), i-v. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.1.editorial.2023>
- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020a). An exploration of thematic sketch through visual arts activities towards the preschool children. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 9(2), 132-143. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/SAECJ/article/view/3920>

- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020b). Eklorasi seni visual melalui aktiviti lakaran asas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 35-47. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/3712>
- Ramli, M. F., Musa, R., Mohd Khairuddin, N. E., & Basiron, N. (2020). Cultural Sharing Through Visual Art Exhibition 'Dalam Bingkai' by JSRB-UPSI with FSRD-ISBI. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(2), 25-34. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol6.2.3.2020>
- Ramli, Muhamad Firdaus and Zalay @ Zali, Abdul Aziz and Basiron, Nurazry. (2019). *Pendekatan pendidikan seni visual terhadap terapi kognitif orang kurang upaya / Muhamad Firdaus Ramli...[et al.]*. In: e-proceedings Design Decoded 2019, 19 - 20 June 2019, Mangrove Tourism Complex, Sungai Merbok 08000 Sungai Petani, Kedah.
- Rokhim, S. S., Hadiprawiro, Y., & Dawami, A. K. (2022). Katarsis Seni pada Lukisan "At Eternity's Gate" Karya Vincent Van Gogh dalam Pandangan Kritik Seni. *Ars: Jurnal Seni Rupa dan Desain*, 25(3), 171-178.
- Sharul Azim Sharudin., Normah Mustaffa., & Shahrul Nazmi Sannusi. (2020). Peranan infografik dalam meningkatkan kesedaran kesihatan belia daripada perspektif pereka grafik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jil, 36(1), 356-368. Diperoleh dari <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/38258/10375>
- Siti Nazurulaina Haji Aripin., Siti Aishah Yahya., Suhaya Deraman., & Noraini Abdol Raop. (2021). Kecerdasan Spiritual Dan Kesihatan Mental Remaja. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 144-154. Diperoleh daripada <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/850/678>
- Syarul Heiry Yahaya., & Norazah Umar. (2022). Kenali apa itu kebimbangan dan kemurungan. *e-Buletin JSKM*, 8. Diperoleh dari <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/74183/1/74183.pdf>
- V. Y. Skryabin, A. A. Skryabina, M. V. Torrado & E. A. Gritchina (2020) Edvard Munch: the collision of art and mental disorder, *Mental Health, Religion & Culture*, 23:7, 570-578, DOI: 10.1080/13674676.2020.1777537
- Wan Abdullah, W. H., & Zaki, H. (2021). Gejala Kemurungan: Kaedah Rawatan Melalui Pengubatan Al-Tibb Al-Nabawiy. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 215-234. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.509>
- Wolf P. (2001). Creativity and chronic disease. Vincent van Gogh (1853-1890). *The Western journal of medicine*, 175(5), 348. <https://doi.org/10.1136/ewjm.175.5.348>
- World Federation for Mental Health. (2010). *Depression: What you know can help you - International perspectives on depression for people living with depression and their families*. USA: World Federation for Mental Health.
- Zhang, Q., & Ramli, M. F. (2023). Aesthetic Education for Silver Hair: A Study of Chinese Elderly University Students' Art Learning Needs. *Journal of Education and Educational Research*, 6(3), 47-50. <https://doi.org/10.54097/0fv1m271>